

# → ISU

PENDEDAHAN PENJUALAN BINATANG LIAR DI FB

# Haiwan liar agresif, bawa penyakit

• Virus berbahaya boleh jangkiti manusia hingga bawa maut

Oleh Sophia Ahmad  
sophia@bh.com.my

Kuala Lumpur

**H**aiwan liar yang dijadikan binatang peliharaan berbahaya dari segi dua aspek iaitu kesihatan dan sifatnya yang agresif.

Pensyarah Kanan Jabatan Sains Pra-Klinikal Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Tengku Rinalfi Putra Tengku Azizan, berkata paling berbahaya ialah haiwan liar boleh jadi membawa virus berbahaya yang boleh menjangkiti manusia dan membawa maut.

Katanya, haiwan liar yang laizimnya diperoleh secara haram mungkin membawa bersama virus

penyakit yang tidak mempunyai penawar.

#### Penyakit tak pernah ditemui

Jenis penyakit yang tidak pernah ditemui itu katanya, mungkin boleh membawa maut jika gagal dirawat.

"Virus itu selama ini tidak menjangkiti manusia kerana ia tidak tersebar berikutan haiwan itu hanya berada di dalam hutan dan tidak bercampur dengan manusia.

"Bagaimanapun, ia akan menjadi masalah besar apabila hidupan liar dijadikan haiwan peliharaan dan berada dalam kelompok manusia sekali gus menyebabkan penyakit asing ini mula menular," katanya kepada BH.

BH sebelum ini mendedahkan mengenai Jaringan Pemantau Perdagangan Hidupan Liar (TRAFFIC) Asia Tenggara mengesahkan kurangnya 14 akuan sesawang sosial khususnya Facebook, mendalangi penjualan hidupan liar secara haram di negara ini.

Kegiatan itu dikesan membabitkan hampir 70,000 ahli aktif, yang secara konsisten memberi maklum balas menyokong kegiatan itu, sama ada mendapatkan keter-

ngan lanjut berhubung haiwan yang dijual atau memulakan urus niaga.

#### Virus Ebola dibawa monyet dan kelawar

Memberikan contoh virus Ebola yang mengancam penduduk di benua Afrika, Dr Rinalfi berkata, penyakit bawaan haiwan seperti monyet dan kelawar itu sehingga kini telah meragut lebih daripada 10,000 nyawa.

"Virus Ebola sehingga kini masih tiada penawar dan penyakit seumpama itu boleh muncul jika tabiat menjadikan hidupan liar sebagai haiwan peliharaan ini berterusan," katanya.

Pengambilan hidupan liar dari habitat asal secara paksa ini juga jelas beliau, memusnahkan fitrah sebenar haiwan terbabit hingga menyebabkan ia berada dalam keadaan tertekan.

"Kebanyakan haiwan ini diambil sejak masih kecil. Apabila besar dan mula mempunyai naluri untuk membiak, ia akan berada dalam keadaan tertekan jika proses itu tidak berlaku.

"Haiwan yang tertekan ini akan mula menunjukkan sikap agresif dan amat berbahaya. Ini yang se-



Keratan akhbar BH Ahad lalu.



Bagaimanapun ia akan menjadi masalah besar apabila hidupan liar dijadikan haiwan peliharaan dan berada dalam kelompok manusia sekali gus menyebabkan penyakit asing ini mula menular"

**Dr Tengku Rinalfi Putra Tengku Azizan,**  
Pensyarah Kanan Jabatan Sains Pra-Klinikal Veterinar,  
UPM

ring kita dengar, kes haiwan mengamuk sehingga mencederakan orang," katanya.

Beliau berkata, penyesaran hidupan liar itu daripada habitat asal turut memberi kesan negatif kepada fungsi ekologi.

Setiap haiwan liar itu katanya, wujud dengan fungsi tersendiri dan memainkan peranan penting dalam melestarikan alam sekitar.

"Sebagai contoh, benih pokok yang berbiji besar seperti durian tidak boleh disebarluaskan oleh haiwan kecil seperti burung atau ular lain.

"Tugas itu hanya boleh dilakukan oleh haiwan bermulut besar seperti unga yang akan memetik buah-buahan itu dari tangkainya untuk dimakan dan mencampakkan biji itu ke bawah. Dari proses ini, berlaku pembiakan pokok berkenaan," katanya.

Proses itu bagaimanapun jelas Dr Rinalfi, tidak akan berlaku apabila hidupan seperti unga diambil secara haram dan dijadikan haiwan peliharaan.

"Apabila satu peranan dalam sistem ekologi ini terhenti, keseluruhan kitaran itu akan terhenti," katanya.